

**Tidak Perlu Kerusi Sebelum Tunaikan Janji, Kata Presiden Makkal Sakti
Bernama
18 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Parti Makkal Sakti Malaysia tidak memerlukan kerusi untuk bertanding pada pilihan raya atau anggota parti itu dinamakan sebagai calon sebelum menunaikan janji untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat India ke pangkuan Barisan Nasional (BN).

Presidennya Datuk R.S Thinantharan berkata parti itu kini hanya mahu menyumbang bersama BN untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat India dan mahu dibawa bersama seiring dalam perkembangan transformasi negara.

"Selepas menunaikan janji-janji kami, selaras dengan janji-janji BN, sekiranya BN berfikir Parti Makkal Sakti Malaysia perlu diberi kerusi untuk bertanding dalam pilihan raya umum ataupun 'senatorship' untuk menyumbang bersama kerajaan BN, maka kami dengan berbesar hati sanggup menerimanya sebagai satu penghormatan kepada parti kami dan satu penghormatan kepada masyarakat India," katanya.

Berucap pada Konvensyen Nasional Parti Makkal Sakti 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini, Thinantharan turut mengemukakan permohonan khas daripada parti itu agar kerajaan dapat menubuhkan jabatan khas bagi hal ehwal masyarakat India untuk memastikan keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh BN dan sampai kepada masyarakat India.

Beliau berkata dengan adanya jabatan hal ehwal masyarakat India, kesemua permintaan dapat dibawa kepada perhatian kerajaan dan diberi pertimbangan sewajarnya.

Pada majlis itu, beliau turut menyerahkan memorandum yang mengandungi beberapa masalah yang dihadapi oleh masyarakat India untuk perhatian kerajaan termasuk isu pendidikan, sosial dan ekonomi.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=614161>